

AXCEL SILICONE CREAM BPC73

Dimethicone/Cetrimide (10% w/w / 0.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Silicone Cream BPC73.
2. Bagaimana Axcel Silicone Cream BPC73 berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73.
4. Cara menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73.
5. Semasa menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Silicone Cream BPC73.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Silicone Cream BPC73

Axcel Silicone Cream BPC73 digunakan untuk mencegah luka akibat terlalu lama berbaring, ruam lampin dan kulit kering disebabkan oleh pendedahan kepada matahari, angin dan cuaca sejuk. Ia juga boleh diguna secara topikal sebagai pembalut luka.

Bagaimana Axcel Silicone Cream BPC73 berfungsi

Axcel Silicone Cream BPC73 mengandungi dimethicone dan cetrimide sebagai bahan aktif. Dimethicone ialah bahan tidak serap air yang akan melindungi kulit daripada perengsa yang larut air. Cetrimide adalah antiseptik yang membantu mencegah jangkitan kulit dan membantu penyembuhan.

Sebelum menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Silicone Cream BPC73:

- Anda alergi atau hipersensitif pada dimethicone atau cetrimide atau bahan lain dalam produk ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau

ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73

Sebelum anda mengguna Axcel Silicone Cream BPC73 anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Silicone Cream BPC73 dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan luar sahaja.

Sapu krim ini apabila diperlukan.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan waktu yang sesuai untuk anda menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73 mengikut jenis keadaan yang anda miliki.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan rasa tidak selesa atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Silicone Cream BPC73.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Silicone Cream BPC73 dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan terkena krim ini pada mata.
- Jangan disapu pada kulit yang radang atau terluka.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Silicone Cream BPC73 boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

AXCEL SILICONE CREAM BPC73

Dimethicone/Cetrimide (10% w/w / 0.5% w/w)

- Jika ditelan, rasa loya dan muntah mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Silicone Cream BPC73

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Silicone Cream BPC73 dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di suhu bawah 25°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Silicone Cream BPC73 yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

-Rupa dan warna produk

Axcel Silicone Cream BPC73 adalah krim berwarna putih larut air.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Dimethicone dan Cetrimide.
- Bahan Tidak Aktif:
Chlorocresol, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, Cremophor A6, Cremophor A25, Propylene Glycol dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL20002002X

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)051217/00340